

# Rakyat Selangor sudah beri isyarat, a

Oleh ROZILAN SALLEH

## Analisis Berita

KEBIMBANGAN Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo mengenai sokongan pengundi berketurunan Cina kepada kerajaan beberapa hari sebelum rakyat membuat keputusan dalam pilihan raya umum kelmarin akhirnya menjadi kenyataan.

Malah lebih daripada itu, isyarat yang sama daripada dua lagi kaum utama, Melayu dan India, juga diterjemahkan ke dalam keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12.

Cakap-cakap mengenai kemungkinan Pulau Pinang jatuh kepada pembangkang sememangnya tersebar sebelum pembubaran Parlimen lagi tetapi tidak bagi negeri lain, walaupun bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pernah melabelkan Kedah, Selangor dan Pulau Pinang sebagai tiga negeri yang dianggap 'kawasan panas'.

Pandangan itu tidak dipandang ringan oleh Mohamad Khir Toyo yang mengangap peringatan itu dapat menggerakkan lagi kerja BN negeri untuk mempertahankan Selangor dengan memastikan kemenangan cemerlang.

Namun, kelmarin rakyat Selangor sudah membuat keputusan dengan bertindak menggunakan sepenuhnya hak masing-masing memilih kerajaan melalui pilihan raya.

Daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor, pembangkang memperoleh kemenangan di 36 kerusi manakala bagi kerusi Parlimen pula, hanya lima daripada 22 kerusi berjaya dipertahankan BN.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) pula mem-

peroleh 24 kerusi iaitu 15 DUN dan sembilan Parlimen, jumlah yang tidak pernah dijangkakan manakala DAP menang di 13 kerusi DUN dan empat Parlimen. Pas memperoleh lapan DUN dan empat Parlimen.

UMNO hanya memperoleh 18 kerusi DUN dan empat Parlimen, sesuatu yang tidak pernah dijangkakan sama sekali dan MCA menyumbangkan dua kerusi DUN dan satu Parlimen manakala semua calon MIC dan Gerakan di Selangor tewas.

Malah, beberapa nama besar dalam politik tanah air termasuk Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin; Timbalan Presiden MIC, Datuk G. Palanivel dan Naib Presiden MCA, Datuk Donald Lim Siang Chai tewas mengejut kepada pencabar masing-masing di kerusi Parlimen Shah Alam, Hulu Selangor dan Petaling Jaya Selatan yang mereka sandang.

Turut mengalami nasib yang sama ialah Pengerusi MCA Selangor, Datuk Ch'ng Toh Eng di Parlimen Klang; Ketua Pemuda MIC, S. A. Vigneswaran (Kota Raja); Ketua Wanita MIC, Datin Paduka P. Komala Devi (Kapar) dan Naib Ketua Wanita MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Walaupun Mohamad Khir mampu mempertahankan kerusi DUN Sungai Panjang, namun nasib enam bekas anggota Exco Kerajaan Negeri Selangor tidak seperti yang apabila mereka tewas kepada pencabar masing-masing.

Kebimbangan Mohamad Khir terhadap pengundi Cina adalah ekoran trend yang beliau dapat kesan. Sebahagian besar daripada mereka tidak menampakkan tanda-tanda protes kepada kerajaan secara terbuka, sebaliknya menerusi undi seperti dibuktikan pada pilihan raya kecil DUN Ijok April tahun lepas.

Tanda-tanda Selangor bakal dilanda 'tsunami politik' mula jelas selepas BN mengumumkan senarai calonnya pada 21 Februari lalu apabila ada nama yang diragui boleh diterima pengundi disenaraikan seperti nama Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin di Parlimen Shah Alam dan Datuk Ch'ng Toh Eng di Parlimen Klang.

Pada masa yang sama, kemunculan dua wakil Puteri UMNO, Roselinda Abdul Jamil sebagai calon ADUN Pelabuhan Klang menggantikan bapa mertuanya, Datuk Zakaria Md. Deros dan Haslina Mohd. Zerain di DUN Bukit Antarabangsa serta Azman Wahid di Parlimen Ampang turut menjadi modal cakap-cakap politik 'kedai kopi'.

Walaupun ada pihak mendakwa soal pemilihan calon sebagai punca utama kekalahan BN, namun itu adalah 'soal kecil' yang dapat ditangani pada pilihan raya sebelum ini.

Ita sebenarnya lebih kepada undi protes terhadap beberapa isu terutama soal kenaikan harga barang yang menjadi bahan utama kempen pembangkang kali ini.

Beberapa isu lain yang tidak dapat dielak daripada disentuh termasuk Hindraf. Ia juga kemungkinan menjadi antara punca utama sebahagian besar undi masyarakat India kini tidak lagi kepada BN yang dibuktikan dengan tewasinya semua calon BN daripada MIC di negeri ini.

# apa tindakan BN?

Pengundi berketurunan India lebih rela memilih calon parti pembangkang walaupun daripada Pas.

Di samping itu isu-isu yang turut menyentuh sensitiviti kaum tertentu juga menimbulkan bekas yang diingati pengundi. Pada masa yang sama mungkin ada pengundi berketurunan Melayu agak 'berkecil hati' dengan dasar-dasar tertentu kerajaan dalam menangani isu-isu sensitif antara kaum.


Baginya, isu-isu itu bukan hanya berlaku di Selangor semata-mata, sebaliknya ke seluruh negara apabila undi kepada pembangkang bertambah di seluruh negara.

Pada masa yang sama pembangkang bijak mengambil kesempatan daripada rasa tidak puas hati rakyat, di samping membangkitkan kebencian pengundi menerusi ceramah politik mereka.

Oleh itu, katanya, sudah tiba bagi pembangkang memenuhi janji-janji manis mereka kepada pengundi seperti memastikan harga barang dan minyak tidak naik, menurunkan kadar tol di negeri-negeri yang mereka kuasai, menyediakan insentif kepada golongan miskin dan pelbagai lagi 'gula-gula' yang dijanjikan mereka.

Ini kerana rakyat menunggu adakah dengan memilih pembangkang, kos hidup mereka dapat dikurangkan, di samping jaminan memberi 'keadilan' kepada semua yang sudah tentunya mengikut acuan parti masing-masing.

BN yang masih menguasai kerajaan Persekutuan mungkin akan mengkaji semula beberapa dasar dan projek pembangunan di Selangor dan negeri-negeri lain yang tewas kepada pembangkang.



**MOHAMAD KHIR TOYO**

Sebagai sebuah negeri utama dalam pelbagai sektor ekonomi dan mencapai kemajuan berbanding negeri lain, sudah tentu Selangor akan menerima kesannya.

Apa yang pasti, pembangkang kini hanya 'cuci kaki' apabila menawan Selangor, negeri paling maju dengan segala kekayaan ekonomi hasil perancangan BN.